

13 JUN 2000

G-15/I

FORUM PERNIAGAAN MEMULAKAN SESI RUNDINGAN G-15

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 13 Jun (Bernama) -- Kumpulan G-15 yang dianggotai 17 negara membangun memulakan mesyuarat sebelum sidang kemuncak mereka di sini dengan mengadakan forum pelaburan perniagaan di sebuah hotel terkemuka.

Mesyuarat itu, yang ditujukan khas untuk sektor swasta negara-negara anggota, diadakan bagi membolehkan mereka berbincang mengenai perdagangan dan peluang-peluang pelaburan.

Syarikat Malaysia, Sibexlink Sdn Bhd yang berhasrat untuk meningkatkan hubungan Selatan di dalam bidang perniagaan dan pelaburan, membuat persembahan mereka pada forum sehari itu, kata seorang pegawai Malaysia.

Seperti pada mesyuarat G-15 yang terdahulu, satu pameran perdagangan diadakan untuk menonjolkan produk dan peluang-peluang yang terdapat di negara-negara anggota.

G-15 terdiri daripada Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Peru, Venezuela, Jamaica, Algeria, Mesir, Kenya, Nigeria, Senegal, Zimbabwe, India, Indonesia, Malaysia dan Sri Lanka.

Ini merupakan sidang kemuncak G-15 yang ke-10 dan yang kedua dianjurkan oleh Mesir selepas 1998.

Menurut pegawai itu, sidang kemuncak itu dijangka membincangkan isu-isu yang dibangkitkan pada Sidang Kemuncak G-77 yang pertama di Cuba pada April lalu.

Ini termasuk isu-isu seperti globalisasi, kerangka kewangan antarabangsa dan dialog Utara-Selatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dijadual tiba di sini pada pagi Rabu manakala Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan tiba pada hari Jumaat bagi mesyuarat persiapan menjelang sidang kemuncak.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba pada malam Sabtu.

Sidang kemuncak dua hari itu akan dirasmikan oleh Presiden Mesir Hosni Mubarak pada hari Isnin.

-- BERNAMA

AZZ AKD